

AI bukan penentu nasib manusia

PETALING JAYA: Teknologi kecerdasan buatan (AI) tidak sepatutnya menjadi platform menentukan nasib manusia, sebaliknya perlu berperanan meningkatkan kreativiti, memperkasa komuniti dan menyemarakkan semangat kemanusiaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Malaysia menyokong penggunaan AI untuk meningkatkan pengetahuan, mempercepat inovasi, mengembangkan peluang dan meningkatkan masyarakat.

Katanya, kemajuan AI tidak boleh mengganggu prinsip floral dan alam sekitar, seiring dengan usaha Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang mempromosikan AI dan transformasi teknologi untuk memajukan pembangunan.

Bersambung di muka 2



ANWAR Ibrahim (tengah) bersama Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan (kiri) dan Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz semasa sidang akhbar penutup iawatan kerja tiga hari di Korea Selatan. - PEJABAT PERDANA MENTERI

AI bukan penentu nasib manusia

Dari muka 1

Beliau berkata, negara anggota APEC perlu mengambil perhatian terhadap kebolehpasaran dan jurang digital bagi memastikan tiada amalan diskriminasi daripada segi penggunaan teknologi baharu.

“Lebih setengah abad yang lalu, ahli falsafah Jerman, Martin Heidegger mengingatkan kita bahawa intipati teknologi bukanlah terletak pada mesin yang kita bina, tetapi bagaimana teknologi membentuk semula pemikiran, tingkah laku dan tujuan kita.

“Ini relevan pada hari ini. Beliau memberi amaran bahawa sama ada kita meraikan teknologi atau menolaknya, kita berisiko menjadi tidak bebas dan terikat dengannya.

“Wawasan ini sangat relevan pada hari ini, dan saya percaya, (untuk kita) kekal sebagai manusia, isu ini harus ditangani dan APEC mesti menerajui,” katanya ketika berucap pada hari terakhir Mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC

(AELM) di Gyeongju, Korea Selatan semalam.

Perdana Menteri berlepas pulang ke tanah air semalam selepas menamatkan lawatan kerja tiga hari ke Korea Selatan.

Pesawat membawa Anwar berlepas dari Pangkalan Udara Gimhae di Lapangan Terbang Antarabangsa Gimhae, Busan pada pukul 3.08 petang waktu tempatan (2.08 petang waktu Malaysia).

Dalam pada itu, hasil pertemuan dengan delegasi perniagaan Korea Selatan di luar AELM, Anwar berkata, iawatan itu berjaya menjana komitmen eksport lebih setengah bilion membabitkan sektor ammonia hijau dan urea mampan.

Ia merupakan hasil kerjasama dengan Namhae Corporation, pengeluar terbesar baja kimia dan produk kimia dari Korea Selatan.

Anwar berkata, kerjasama JS Link dengan Lynas Malaysia pula membabitkan pembinaan fasiliti pembuatan *super magnet* bernilai RM600 juta, sekaligus memperkukuh rantaian

bekalan mineral kritikal dan teknologi bersih.

“Lynas sudah mula beroperasi, namun dengan penglibatan JS Link, keupayaan pemrosesan dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi. Saya juga akan memastikan kerjasama dengan kerajaan negeri diperkukuh bagi mempercepatkan proses pelaksanaan, supaya mereka dapat bergerak dengan lebih pantas dalam masa terdekat.

“JS Link ini menarik kerana telah mula menjalinkan kerjasama dengan Lynas di Pahang dan telah mengadakan beberapa persiapan awal. Saya akan bertemu dengan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail pada esok (hari ini).

“Manakala pada Isnin, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz akan meninjau serta mendapatkan maklumat lanjut mengenai pelaburan tersebut memandangkan ia amat penting,” katanya.